
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JMS 101 – Pengantar Sejarah

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana EMPAT soalan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. Bagi orang-orang Yunani purba, perkataan sejarah bermaksud; *sebuah rekod atau cerita hasil daripada siasatan*.

Sejauh manakah pada pandangan anda maksud perkataan sejarah Yunani itu selari dengan pengertian sejarah moden?

(25 markah)

2. Bincangkan sebab-sebab pentingnya ilmu sejarah kepada manusia.

(25 markah)

3. Apakah yang dimaksudkan dengan “fikiran rasional”? Kenapakah sejarawan hanya berminat untuk mengkaji tindak tanduk manusia yang dihasilkan daripada pemikiran yang rasional?

(25 markah)

4. Sejauh manakah buku *Sejarah Melayu* dapat dianggap sebagai sumber pertama atau sumber asal?

(25 markah)

5. Apakah yang dikatakan penyebab (*causation*), dan kenapakah penyebab penting dalam sejarah?

(25 markah)

6. Qassim Ahmad menyatakan bahawa;

“Adalah lebih baik seorang sejarawan yang terlatih itu membuat penilaian dan menjatuhkan hukuman moral daripada orang ramai (masyarakat umum) yang tidak terlatih membuat pengadilan.”

Adakah anda bersetuju dengan pandangan Qassim ini? Nyatakan alasan-alasan anda.

(25 markah)